

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : "MAJLIS PELANCARAN BUKU 'FACTS FOR LIFE'"
Lokasi : HOTEL ISTANA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 26-06-1993

Terlebih dahulu marilah kita mengucapkan syukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala yang mengizinkan kita untuk hadir ke majlis yang berbahagia ini hari ini. Majlis pelancaran buku 'Facts For Life' atau 'Fakta Untuk Kehidupan' ini merupakan satu lagi mercutanda dalam usaha gigih kita memelihara dan meningkatkan lagi taraf kesihatan rakyat Malaysia amnya dan ibu serta kanak-kanak khususnya. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan buku ini dan jawatankuasa yang mengatur dan menjayakan majlis pelancaran pada pagi ini.

2. Kanak-kanak di negara ini merupakan aset yang sangat bernilai bukan sahaja kepada ibubapa malah masyarakat dan negara. Merekalah yang akan mengisi kemajuan negara ini yang sedang rancang diusahakan sekarang. Merekalah juga yang akan mengambil alih teraju kepimpinan negara dan masyarakat di samping merealisasikan impian dan cita-cita ibubapa serta negara dalam semua bidang kehidupan.

3. Generasi pelapis cemerlang yang kita harapkan ini tidak mungkin muncul jika ianya tidak dirancang secara teliti terlebih dahulu. Jika kita mahukan generasi yang terdidik, pendidikan mereka haruslah terancang; jika kita mahukan generasi yang cemerlang dalam perindustrian, usaha ke arah pendidikan teknikal dan vokesyenal harus dititik beratkan.

Begitu juga jika kita inginkan generasi yang sihat, kuat dan penyayang, maka usaha ke arah membina masyarakat yang sedemikian harus bermula dari sekarang. Inilah cabaran besar yang kita hadapi pada masa ini.

4. Apabila bercakap mengenai kesihatan kanak-kanak, aspek kesihatan fizikal merupakan sebahagian daripada kesihatan tubuh badan seseorang kanak-kanak. Pada pendapat saya aspek inilah yang mudah dijaga dan dikembangkan berbanding dengan perkembangan mental dan kerohanian. Hanya dengan tubuh badan yang sihat barulah kita dapat pula meningkatkan tahap aspek kesihatan mental dan rohani kanak-kanak ini. Apa yang menjadi masalah bagi perkembangan kanak-kanak di Malaysia ialah tahap perkembangan fizikalnya yang masih belum memuaskan.

5. Untuk makluman, Malaysia masih mempunyai kanak-kanak yang kekurangan zat makanan yang merencatkan pertumbuhan dan perkembangan, kanak-kanak yang diserang demam campak, kanak-kanak yang meninggal dunia kerana jangkitan penyakit berjangkit seperti difteria dan tetanus neonatorum, dan kanak-kanak yang masih belum diberi imunisasi yang lengkap.

Terdapat seramai 0.48 peratus atau lebih kurang 9000 kanak-kanak yang berumur satu sehingga 5 tahun yang berada dalam kategori kurang zat makanan teruk dalam tahun 1992. Dalam tahun yang sama seramai 28 orang kanak-kanak dijangkiti tetanus neonatorum dan seramai 8 orang daripada mereka dilanda maut. Terdapat juga tiga orang kanak-kanak diserang difteria dan seorang daripadanya meninggal dunia. Tidak ketinggalan juga kanak-kanak yang diserang berbagai penyakit lain seperti demam denggi dan taun. Kini AIDS pula menjangkiti anak-anak kita yang tidak berdosa dalam jumlah yang semakin membimbangkan.

6. Oleh yang demikian, walaupun petunjuk-petunjuk kesihatan seperti kadar kematian bayi, kadar kematian neonat, jangka hayat dan sebagainya menunjukkan perubahan positif yang membanggakan serta setanding dengan negara-negara maju, kita tidak harus berpuas hati dengan keadaan kanak-kanak kita pada masa ini. Sesuatu yang lebih aktif dan inovatif perlu dirangka oleh pihak-pihak yang terlibat dalam penjaagaan kesihatan kanak-kanak.

7. Usaha menerbitkan buku 'Facts For Life' atau 'Fakta Untuk Kehidupan' ini adalah suatu inisiatif yang positif.

lanya harus juga dilihat sebagai suatu sumbangan yang penting dalam menyampaikan mesej asas yang sangat diperlukan untuk masa depan anak-anak kita. Persoalannya sekarang, siapakah di antara kita yang sanggup berada di barisan paling hadapan untuk menyampaikan mesej ini kepada sasarannya? Jikalau kita terus menerus mengharapkan kakitangan kesihatan sahaja untuk bertanggungjawab ke atas masalah ini sudah tentu kejayaannya agak terhad. Saya ingin mengemukakan cabaran ini kepada semua pihak, termasuk guru-guru, pemimpin masyarakat, ahli-ahli politik yang berpengaruh, para majikan, pemimpin kesatuan sekerja, badan-badan bukan kerajaan (NGO), pemimpin agama, bintang-bintang filem dan para artis, ahli-ahli sukan dan tidak kurang pentingnya pihak media massa, untuk tampil dengan lebih komited lagi dalam perjuangan yang mulia ini. Kerjasama di kalangan berbagai-bagai pihak dan sektor ini merupakan pendekatan yang sangat berjaya pada masa kini.

8. Seperkara lagi yang menarik perhatian saya ialah bebanan yang berlebihan dan melampaui batas yang diletakkan oleh sebahagian masyarakat kita ke atas bahu kaum wanita dalam urusan penjagaan kesihatan keluarga. Kita harus faham bahawa kaum wanita hari ini berada dalam aliran utama atau mainstream kehidupan, sama seperti kaum lelaki, tidak kira di bandar ataupun di luar bandar. Tugas dan tanggungjawab mereka dalam arus pembangunan negara dan masyarakat semakin meningkat. Adalah tidak wajar dan adil bagi kita hanya memikirkan lebih banyak sumbangan daripada kalangan kaum wanita sedangkan tekanan yang sama tidak dihadapkan kepada kaum lelaki. Jadi saya rasa masanya sudah tiba bagi kaum lelaki berkongsi peranan dalam memelihara kehidupan, kesihatan dan perkembangan anak-anak kita.

9. Saya difahamkan bahawa berbagai-bagai pihak terlibat dalam menjayakan penerbitan buku 'Facts For Life' ini. Ini termasuk Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, serta individu-individu dan badan-badan bukan Kerajaan. UNICEF memainkan peranan yang besar dalam menjayakan usaha ini. Edisi antarabangsa diterbitkan oleh WHO, UNICEF dan UNESCO khabarnya telah mendapat sambutan yang baik oleh masyarakat dunia. Saya berharap kandungan buku Edisi Malaysia ini akan juga mendapat sambutan yang tidak kurang baiknya daripada masyarakat Malaysia. Saya juga ingin melihat isi buku ini diolah untuk menjadi poster-poster atau pamflet yang menarik untuk disebarikan kepada semua peringkat masyarakat.

10. Dengan kata-kata dan harapan yang saya sebutkan tadi, saya dengan segala sukacitanya melancarkan buku 'Facts For Life' atau 'Fakta Untuk Kehidupan' ini.

Sekian. Terima kasih.